

# SERLIN 50 CAPSULES

Sertraline hydrochloride (50mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Serlin 50 Capsules
2. Bagaimana Serlin 50 Capsules berfungsi
3. Sebelum menggunakan Serlin 50 Capsules
4. Cara menggunakan Serlin 50 Capsules
5. Semasa menggunakan Serlin 50 Capsules
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Serlin 50 Capsules
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Serlin 50 Capsules

SERLIN boleh digunakan untuk merawat:

- Simptom kemurungan dan mencegahannya daripada berulang
- *Obsessive compulsive disorder* (OCD) - keceluaran obsesif kompulsif dan *Panic disorder* - keceluaran panik

Kemurungan adalah penyakit klinikal dengan gejala-gejala seperti berasa sedih, tidak lena tidur atau sukar untuk menikmati kehidupan seperti biasa.

*Obsessive compulsive disorder* (OCD) dan *Panic disorder* adalah penyakit dikaitkan dengan keresahan dengan gejala seperti yang sentiasa bermasalah dengan idea-idea berterusan (*obsessions*) yang membuat anda menjalankan ritual yang berulang-ulang (*compulsions*).

Doktor anda akan memutuskan bahawa ubat ini sesuai untuk merawat penyakit anda.

Anda perlu bertanya doktor jika anda tidak pasti mengapa anda telah diberi SERLIN.

## Bagaimana Serlin 50 Capsules berfungsi

Nama ubat anda adalah Serlin 50 Capsules. Ia mengandungi bahan aktif, sertraline hidrochloride.

Sertraline adalah salah satu daripada kumpulan ubat-ubatan yang dikenali

sebagai ‘Selective Serotonin Re-uptake Inhibitors’ (SSRIs).

Serotonin adalah salah satu bahan kimia di dalam otak yang membantu mengawal perasaan emosi anda. Serlin 50 Capsules dan SSRI yang lain didapati boleh membantu meningkatkan jumlah serotonin di dalam otak.

## Sebelum menggunakan Serlin 50 Capsules

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan menggunakan Serlin 50 Capsules jika anda alah (hipersensitif) kepada sertraline atau mana-mana bahan-bahan lain dalam ubat (sila lihat **Maklumat lanjut**).
- Jika anda mengambil atau telah mengambil ubat-ubatan yang dikenali sebagai ‘monoamine oxidase inhibitors’ untuk merawat kemurungan.
- Jika anda berhenti rawatan dengan sertraline, anda perlu menunggu sehingga sekurang-kurangnya dua minggu sebelum anda memulakan rawatan dengan MAOI. Sebaliknya selepas menghentikan rawatan dengan MAOI, anda perlu menunggu sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum anda boleh memulakan rawatan dengan sertraline.

### *Mengandung dan menyusukan anak*

Keselamatan Setraline masih belum diketahui bagi wanita hamil. Sertraline hanya akan diberikan kepada wanita hamil apabila doktor anda berpendapat bahawa ianya lebih banyak kebaikan berbanding risiko yang mungkin kepada pertumbuhan bayi.

Terdapat bukti bahawa sertraline boleh dirembes ke dalam susu ibu. Sertraline hanya boleh digunakan di kalangan wanita semasa penyusuan, jika doktor berpendapat bahawa ianya mempunyai lebih faedah berbanding risiko yang dijangka kepada bayi.

*Kanak-kanak atau remaja di bawah 18 tahun:*

SERLIN hanya boleh digunakan untuk merawat kanak-kanak dan remaja yang berumur 6-17 tahun. Jika anda sedang dirawat untuk penyakit ini, doktor akan memantau dengan teliti jika keadaan klinikal menjadi lebih teruk, keinginan membunuh diri atau perubahan tingkah laku yang luar biasa.

### - Sebelum menggunakan Serlin 50 Capsules

Ubat ini tidak sesuai untuk sesetengah orang. Beritahu doktor anda sebelum anda mengambil SERLIN, jika anda mengalami atau pernah mengalami masalah seperti berikut:

- Epilepsi atau sejarah sawan.
- Jika anda mempunyai atau pernah mempunyai pemikiran ingin mencederakan atau membunuh diri sendiri.
- Penyakit hati; doktor anda akan membuat keputusan bahawa anda perlu menggunakan dos yang lebih rendah.
- Serangan jantung atau denyutan jantung yang tidak stabil
- jika anda menjalani terapi elektrokonvulsif (ECT).

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor, ahli farmasi atau jururawat jika anda ambil atau baru mengambil ubat-ubatan yang lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat boleh mempengaruhi keberkesaan SERLIN, atau SERLIN sendiri boleh mengurangkan keberkesaan ubat-ubatan lain jika diambil pada masa yang sama.

Berbincang dengan doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut:

- ubat untuk mencairkan darah (*warfarin*).
- Sedatif (*diazepam*).
- Ubat-ubatan untuk merawat kencing manis (*tolbutamide*).

- Ubat-ubatan untuk merawat asid perut yang berlebihan, ulser dan pedih ulu hati (*cimetidine*)
- Ubat-ubatan untuk merawat mania dan kemurungan (*litium*).
- ubat-ubatan lain untuk merawat kemurungan (seperti *tricyclic antidepressants*).
- ubat-ubatan digunakan untuk mengawal degupan jantung (seperti, *flecainide, propafenone*).

### Cara menggunakan Serlin 50 Capsules

#### - Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa:

##### **Dewasa:**

Kemurungan dan keceluaran obsesif kompulsif (*Depression and Obsessive Compulsive Disorder*):

Kebiasaannya dos permulaan ialah 50mg/hari. Dos harian boleh ditingkatkan dalam jarak masa sekurang-kurangnya satu minggu. Dos maksima yang disyorkan adalah 200 mg/ hari.

Keceluaran panik (*Panic disorder*): Rawatan perlu dimulakan pada 25mg/hari, dan ditingkatkan kepada 50mg/hari selepas satu minggu.

Beritahu kepada doktor jika anda mempunyai masalah hati dan sila ikut arahannya.

#### - Bila perlu digunakan

Sentiasa mengambil SERLIN seperti yang yang diarahkan oleh doktor. SERLIN boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Ambil ubat anda sekali sehari sama ada pada waktu pagi atau petang.

Alkohol harus dielakkan semasa mengambil SERLIN.

#### - Berapa lama perlu digunakan

Doktor anda akan menasihati anda tentang berapa lama mengambil ubat-ubatan ini. Ini bergantung kepada jenis penyakit anda dan bagaimana anda bertindak balas kepada rawatan. Ia mungkin mengambil masa beberapa minggu sebelum gejala-gejala anda bertambah baik. Rawatan kemurungan biasanya perlu diteruskan selepas nampak keberkesanannya.

#### - Jika terlupa menggunakan

- Jika anda terlupa mengambil dos anda, ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat dan ambil dos yang seterusnya pada masa yang biasa.
- Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.
- Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

#### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau seseorang terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala dos berlebihan mungkin termasuk mengantuk, loya dan muntah-muntah, denyutan jantung cepat, merasa resah dan anak mata mengembang.

### Semasa menggunakan Serlin 50 Capsules

#### - Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.
- Sentiasa mengambil ubat seperti yang dinyatakan di dalam risalah ini atau seperti diberitahu oleh doktor, ahli farmasi atau jururawat. Rujuk kepada doktor, ahli farmasi atau jururawat jika anda tidak pasti.
- Baca semua risalah ini sebelum anda mula mengambil ubat ini kerana ia mengandungi maklumat penting untuk anda.
- Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil SERLIN kecuali diarahkan oleh doktor. Doktor anda akan mengurangkan dos secara beransur-ansur sehingga beberapa minggu, sebelum anda akhirnya berhenti sepenuhnya dari mengambil ubat ini.

• Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor.

• Jangan berikan Serlin 50 Capsules kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian *Pemikiran untuk membunuh diri dan kemurungan yang serius atau keceluaran keresahan:*

Jika anda tertekan dan/atau mempunyai keceluaran keresahan, anda kadang-kadang mempunyai pemikiran untuk mencederakan atau membunuh diri sendiri. Ini boleh berlaku dengan kerap apabila pertama kali memulakan ubat ‘antidepressant’, kerana ubat-ubatan ini semuanya mengambil masa untuk bertindakbalas, biasanya kira-kira satu minggu. tetapi kadang-kadang lebih lama.

Anda mungkin lebih cenderung untuk berfikir seperti ini:

• Jika anda mempunyai pemikiran mencederakan atau membunuh diri pada bila-bila masa, hubungi doktor anda atau pergi ke hospital dengan segera.

Anda mungkin mendapati perlu memberitahu rakan rapat atau saudara bahawa anda tertekan atau mempunyai keceluaran keresahan dan meminta mereka untuk membaca risalah ini. Anda perlu bertanya kepada mereka jika mereka dapat anda menghadapi kemurungan atau keresahan itu menjadi semakin teruk, atau merasa bimbang atas perubahan tingkah laku anda.

**Memandu dan menggunakan jentera**  
Sertraline boleh mempengaruhi keupayaan anda memandu atau menggunakan mesin. Oleh itu anda dinasihatkan tidak memandu atau mengendalikan jentera, sehingga anda tahu bagaimana ubat ini mempengaruhi keupayaan anda melakukan aktiviti ini.

**Kesan-sesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, SERLIN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana gejala berikut selepas mengambil ubat ini.

- kegagalan ejakulasi, mulut kering, peluh berlebihan.
- rasa mengantuk, pening, sakit kepala,
- ruam kulit
- anoreksia (kecelaruan gaya pemakanan), sembelit, cirit-birit, senak perut, kembung perut, rasa loya, muntah-muntah
- keletihan, rasa panas
- merasa gelisah, keresahan, susah untuk tidur, kurang nafsu seks, merasa cemas
- penglihatan yang tidak normal.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Ini termasuk apa-apa kesan sampingan yang mungkin tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan****Serlin 50 Capsules****- Penyimpanan**

- Simpan di bawah suhu 25°C.
- Jauhi daripada kanak-kanak.
- Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada blister. Tarikh luput merujuk kepada hari yang terakhir pada bulan tersebut

**- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut****- Rupa dan warna produk****Serlin 50 Capsules**

Serbuk granul berwarna putih hingga putih kekuningan, diisi dalam gelatin kapsul yang keras dengan penutup kapsul berwarna kuning dan badan berwarna putih.

Pek lepuh berisi 28 kapsul.

**- Bahan-bahan kandungan**

Bahan aktif

Setiap kapsul mengandungi:  
Sertraline hydrochloride 50mg

Bahan tidak aktif

Pregelatinsed Starch, Sodium lauryl sulfate, Lactose anhydrous, Magnesium stearate.

**- Nombor MAL**

MAL08051744AZ

**Pengilang**

Cadila Healthcare Limited  
Sarkhej-Bavla N.H. No.8 A,  
Moraiya, Tal:Sanand,  
Dist: Ahmedabad 382 210  
INDIA.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

The Zyfas Medical Co  
No. 7, Jalan Molek 3/10  
Taman Molek  
81100 Johor Bahru  
Johor.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

06/01/2016

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)221215/00506